

# Anwar tekan penting perkukuh dasar Islam dalam pendidikan

Perdana Menteri  
hargai pandangan  
guru beri idea  
perkasa peranan  
institusi pondok

Oleh Mahani Ishak  
mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menekankan kepentingan memperkukuh dasar Islam, khususnya dalam pendidikan serta beberapa ikhtiar kerajaan dalam membina kekuatan dalam umat Islam.

Setiausaha Akhbar Kanan kepada Perdana Menteri, Tunku Nashrul Abaidah, berkata Perdana Menteri amat menghargai pandangan guru yang menyampaikan nasihat khususnya dalam soal pendidikan turath serta idea memperkasa peranan institusi pondok di Malaysia.

Katanya, Perdana Menteri semalam meraikan kunjungan

rombongan pondok dan madrasah dari Kelantan di Pejabat Perdana Menteri, iaitu kumpulan itu diundang sendiri oleh Anwar selepas mereka menghadiri Majlis Berbuka Puasa di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya kelmarin.


“Selain itu, beliau (Anwar) turut menghargai titipan nasihat tuan guru terkait usaha memperteguhkan semangat memupuk kefahaman, kasih sayang, memadamkan kebencian dan sabar dalam gesaan agar penjelasan yang bersungguh-sungguh mengenai ikhtiar Kerajaan MADANI kepada rakyat mengenai Islam.

“Dalam perbincangan ini, mereka juga setuju banyak perkara boleh disepakati, khususnya dalam isu Islam berbanding membesarkan perbezaan dan Datuk Seri Anwar juga mengetengahkan mengenai perkembangan komunikasi dan kerjasama baik dan erat dengan Menteri Besar Kelantan (Datuk Mohd Nassuruddin Daud),” katanya.

Tunku Nashrul berkata demikian pada Taklimat Harian Pejabat Perdana Menteri yang di-



Tunku Nashrul Abaidah



Anwar mengadakan pertemuan dengan wakil pondok dari negeri Kelantan di Kompleks Perdana Putra, Putrajaya, semalam. (Foto ihsan PMO)

siarkan di Facebook PMO Malaysia, semalam.

## Alu-alukan wacana

Katanya, Perdana Menteri berharap pertemuan itu dapat diteruskan pada masa akan datang

dan beliau amat mengalu-alukan wacana seperti ini.

“Buah fikiran dan nasihat tuan guru yang dizahirkan di dalam pertemuan ini amat dihargai beliau dan percaya ia disampaikan atas kepentingan maslahat umat

dan negara.

“Perdana Menteri banyak bertukar pandangan dalam pelbagai mauduk (tajuk) perbincangan berkisar perkembangan isu Islam dan pembangunan ummah,” katanya.